

**Hubungan Malaysia-China Terus Berkembang Kukuh
Bernama
5 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Hubungan dua hala Malaysia-China membuahakan pelbagai hasil positif dalam tempoh beberapa tahun lepas dan dijangka membuka jalan ke arah kemajuan lebih besar pada masa akan datang.

Duta Besar China ke Malaysia Datuk Chai Xi berkata perkara itu terbukti melalui peningkatan ketara nilai dagangan antara kedua-dua negara dan Malaysia dijangka muncul sebagai negara yang mencatat nilai dagangan ketiga paling tinggi dengan China dalam kalangan negara Asia, selepas Jepun dan Korea Selatan.

"Nilai dagangan antara China dan Malaysia dianggar melebihi US\$100 bilion tahun lepas, berbanding US\$90 bilion pada 2011 dan US\$52 bilion pada 2010," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Chai Xi juga berkata sebuah universiti China berhasrat membuka kampusnya di Malaysia dan perbincangan mengenai perkara ini sedang diadakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919594>